

15/10/2003

Landasan terbaik promosi dinar emas

SIDANG Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dilihat sebagai landasan terbaik untuk mempromosikan penggunaan dinar emas bagi tujuan perdagangan dua hala di kalangan negara Islam.

Pengarah Dinar & Dirham International, Pangeran Abdalhamid David Evans berkata emas adalah kaedah simpanan terbaik dan paling selamat berbanding mata wang kerana nilainya tinggi serta tidak terdedah kepada spekulasi.

Beliau berkata, selain dijadikan simpanan, emas boleh digunakan sebagai mas kahwin dan mahar serta tujuan membayar zakat.

"Kami melihat penggunaan emas sebagai dinar bagi menggantikan mata wang untuk tujuan perdagangan antara negara Islam masih kurang kerana tidak banyak usaha mempromosi dan meningkatkan kesedaran masyarakat Islam dunia mengenai kepentingan emas.

"Ia juga sebagai pilihan terbaik dan mengurangkan penggantungan kepada matawang dolar Amerika Syarikat (AS) yang sentiasa berubah. Pada masa sama mungkin boleh menggantikan dolar pada masa depan," katanya ketika ditemui di Ekspo OIC 2003, semalam.

Dinar & Dirham International adalah antara empat penaja utama ekspo itu selain Mecca Cola, Takaful Ikhlas Sdn Bhd dan Umrah.com. Syarikat itu turut mempunyai pejabatnya di Kuala Lumpur dikenali Dinar & Dirham International Sdn Bhd.

Beliau berkata, inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggunakan emas sebagai kaedah bayaran menggantikan dolar AS dalam perdagangan antarabangsa membuktikan kepentingan emas dalam abad ke-21 ini.

Katanya, Malaysia dilihat boleh memainkan peranan penting dalam usaha mempromosikan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam.

Bersempena OIC, syarikat itu melancarkan syiling dan ketul emas peringatan khas OIC yang turut dijual kepada umum pada harga RM250 bagi syiling dan RM2,000 bagi seketul emas.

Ketika ini, syiling dan ketul emas itu dikeluarkan di kilang Logam Mulia di Indonesia. iaitu kilang pengeluaran syiling milik kerajaan negara itu.

Selain mengeluarkan syiling dan ketul emas sempena OIC, syarikat itu turut mengeluarkan syiling saduran emas 22 karat dan perak seberat 4.25 gram.

"Sambutan terhadap syiling dan ketul emas mendapat sambutan menggalakkan daripada kalangan delegasi yang menghadiri persidangan OIC kali ini," katanya.